

**DRAF TEKS UCAPAN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**MAJLIS MAKAN MALAM
bersempena**

**MESYUARAT TNC-TNC/ TIMB. REKTOR/ PEN. NC
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI) IPTA KE 178
BIL. 1/2012**

*18 Januari 2012 (Rabu), 8.00 malam
Ikan Bakar Parameswara, Umbai*

1

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum wrt wbt.

Terima kasih Pengacara majlis

A) SALUTASI

Y.Bhg. Datuk Dr. Ahmad Faiz b. Hamid
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Universiti Utara Malaysia (UUM)
merangkap Penggerusi Sekretariat
Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Timbalan Rektor/Penolong
Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) IPTA

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohammad Kadim b. Suaidi
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTeM

2

Y.Bhg. Engr. Prof. Dr. Marizan b. Sulaiman
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UTeM

Y.Bhg. Prof. Dr. Muhammad Ghazie b. Ismail
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat) UTeM

Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Timbalan Rektor/Penolong
Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) IPTA

Pegawai-Pegawai Kanan dan seterusnya delegasi mesyuarat
dari seluruh IPTA yang dihormati sekalian.

B) KATA ALUAN

1. Alhamdulillah, sebagai tanda kasih kita kepada Pencipta Rabbul Jalil, marilah sama-sama kita memanjatkan rasa syukur kita yang tidak terhingga, ke hadrat Allah S.W.T

3

kerana dengan izin dan limpahan kurniaNya, maka dapatlah kita berhimpun bersama-sama, di dalam satu Majlis Makan Malam sempena Mesyuarat Timbalan-Timbalan Naib Canselor/ Timbalan Rektor/ Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) IPTA ke 178 Bil. 1/2012.

2. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat datang ke negeri Melaka Maju, Negeri ku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau. Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Sekretariat di atas kesudian memilih UTeM sebagai tuan rumah di mesyuarat kali pertama bagi membuka tirai tahun baru 2012. Izinkan saya raikan hadirin semua dengan serangkap pantun :

4

*Ikan keli ikan gelama
Masak bersama bunga kantan
Hasil mesyuarat dimuafakat bersama
Semoga ianya dapat dilaksanakan*

Para hadirin sekalian,

C) KUPASAN ISI

3. Kerajaan Malaysia dalam Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010 (RMK9) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015 (RMK10) telah menekankan aspek pembangunan modal insan sebagai teras bagi menghadapi persaingan di peringkat global. Dalam mencapai objektif ini, Mesyuarat Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/ Timbalan Rektor/ Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) yang dianjurkan berperanan

5

sebagai antara **medium penting bagi membincangkan isu dan permasalahan serta mencari penyelesaian terbaik berkaitan keperluan pelajar** yang merupakan aset utama bagi sesebuah Universiti.

4. Dewasa ini permasalahan pelajar telah menjadi semakin rumit dengan ledakan maklumat yang diterima setiap hari yang boleh menjadikan pelajar kita terpengaruh dengan anasir-anasir yang tidak diingini. **Peranan yang dimainkan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni** menjadi semakin mencabar dalam mendepani senario sebegini. Setiap staf di Pejabat Hepa harus sentiasa peka dan sama-sama membantu dalam mencapai objektif Universiti khususnya bagi memastikan **graduan yang dihasilkan bersifat kompeten, berkualiti dan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi**.

6

Hadirin sekalian,

5. Izinkan saya menerangkan sedikit **info asas mengenai UTeM** supaya para hadirin dapat mengenali Universiti ini dengan lebih dekat lagi. UTeM merupakan IPTA teknikal pertama **ditubuhkan** pada 1 Disember 2000 dan menawarkan kursus-kursus dalam **bidang-bidang** Kejuruteraan, Teknologi Maklumat (ICT), Pengurusan Teknologi & Tekno-keusahawanan. Terdapat **7 fakulti** di UTeM iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi, Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan dan yang terbaru ditubuhkan iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan.

7

6. UTeM pada masa ini mempunyai seramai **9112 orang pelajar** yang terdiri dari 8329 orang pelajar diploma dan ijazah serta 783 pelajar pasca siswazah. UTeM telah menghasilkan seramai **8759 graduan** sejak dari tahun 2005. Bilangan staf terkini pula adalah seramai **1916 staf** yang terdiri dari 784 staf akademik dan 1134 staf bukan akademik.
7. UTeM akan terus berkembang pesat dan cabaran yang bakal dihadapi juga pasti memerlukan penyelesaian secara kolektif. Pembinaan prasarana seperti asrama pelajar, kemudahan pembelajaran dan persekitaran yang baik merupakan tarikan kepada pemilihan lokasi pengajian. Justeru, selain menawarkan kursus yang relevan dengan kehendak semasa, kita juga menumpukan aspek persekitaran untuk menarik minat pelajar. Ini

8

ditambahkan lagi dengan kedudukan UTeM di negeri Melaka, yang kaya dengan sumber alam, produk pelancongan dan lokasi menarik menjadi nilai tambah kepada pembangunan UTeM. Pembangunan pesat Melaka dari aspek kemudahan, infrastruktur dan sebagainya membantu memenuhi keperluan UTeM.

Hadirin sekalian,

8. Majlis malam ini di Parameswara, merupakan lokasi ikan bakar terkemuka di Melaka. Ia menjadi tarikan dan sentiasa menjadi kunjungan orang ramai sama ada dari dalam dan luar negeri. Lokasi ini juga menjadi kegemaran saya dan diharapkan tuan-tuan juga akan merasai keenakan makanan di sini. Saya tidak merancang untuk berucap panjang, dengan juadah yang tersedia, adalah

9

lebih baik saya mengucapkan selamat menjamu selera kepada hadirin sekalian.

9. Akhir kata, sebelum berundur saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua yang terlibat di dalam menjayakan program ini. Tanpa adanya usaha dan komitmen yang tinggi dari semua pihak, program ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Bagi pihak UTeM, sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada pihak sekretariat kerana memilih UTeM sebagai tuan rumah. Saya juga memohon maaf bagi pihak universiti sekiranya terdapat kekurangan dalam menganjurkan majlis ini. Saya ucapkan selamat bersidang kepada semua delegasi, semoga akan dapat memberi manfaat demi kebaikan bersama.

10

*Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalammualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.*